

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas mata pelajaran Bahasa Melayu 2 mengandungi 4 soalan. Calon wajib menjawab semua soalan dalam masa 2 ½ jam. Soalan 1 menguji kefahaman calon tentang rumusan. Soalan 2 menguji pemahaman calon yang dibahagikan kepada 4 pecahan soalan iaitu pemahaman petikan rumusan(umum), petikan cerpen/drama, petikan prosa klasik dan petikan puisi. Soalan 3 menguji pengetahuan dan kemahiran bahasa. Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu (novel) Tingkatan 4 dan 5. Jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon yang seramai 439,000 orang, pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon-calun dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan-jawapan calon memenuhi kehendak atau tugas soalan. Penguasaan sistem ejaan pada amnya baik. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga adalah pada tahap yang memuaskan. Calon-calun juga dapat menguasai aspek-aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan iaitu isi yang jelas mengikut kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan jitu dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan bemas. Jawapan mudah difahami kerana penyampaian lancar dan gramatis serta kesalahan bahasa yang tidak ketara.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan daripada segi tatabahasa.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur-aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun.

PRESTASI TERPERINCI**SOALAN 1: RUMUSAN****KEKUATAN ISI PENDAHULUAN**

Tugas soalan ini meminta calon membaca, memahami, dan memproses maklumat yang terdapat dalam petikan, kemudian membuat satu pernyataan yang tepat berdasarkan fokus atau isu utama yang dibangkitkan dalam soalan. Dalam hal ini, calon cemerlang berjaya mengemukakan fokus isi yang lengkap dan tepat, selari dengan kehendak tugas soalan.

Petikan membincangkan langkah-langkah
menangani masalah disiplin murid di sekolah.

Jelas di sini menunjukkan calon memahami keseluruhan idea dalam petikan dan merumuskan satu pernyataan pendahuluan. Pendahuluan ini merangkumi tema utama petikan.

KELEMAHAN ISI PENDAHULUAN

Masih terdapat calon yang menyalin semula arahan soalan, tanpa cuba memahami terlebih dahulu fokus atau tema yang dibincangkan dalam petikan.

Petikan membincangkan tindakan untuk mengatasi
masalah disiplin murid di sekolah.

Ini menunjukkan calon berkenaan sebenarnya gagal untuk memahami idea keseluruhan dalam petikan yang perlu dirumuskan dalam satu pernyataan pada perenggan pendahuluan.

KEKUATAN ISI TERSURAT

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti dan seterusnya mengeluarkan isi-isi tersurat daripada petikan dan ditulis dengan jelas dalam satu perenggan.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Tugas Khas Menangani Masalah Gejala Disiplin. Kementerian juga membuka talian penting dan e-mel untuk mangsa buli dan kegonasan di sekolah. Ibu bapa dan orang awam boleh membuat aduan tentang masalah disiplin pelajar. Maklumat boleh disalurkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pegawai yang bertanggungjawab. Pihak sekolah juga dibenarkan mendapatkan bantuan polis. Pihak sekolah di turut diberi amaran dikenakan tindakan tatatertib jika menyembunyikan kes disiplin. Selain itu, masalah disiplin boleh ditangani menerusi prosedur yang sedia ada.

Jelas jawapan di atas menunjukkan calon memahami isi-isi tersurat yang menyokong pernyataan idea utama dalam pendahuluan, sebagai hujah untuk memperkukuh pernyataan pendahuluan tersebut.

KELEMAHAN ISI TERSURAT

Terdapat calon yang tidak atau kurang mahir mengemukakan isi-isi tersurat untuk menyokong pernyataan pendahuluan. Keadaan ini menyebabkan jumlah isi tersurat tidak mencukupi, bercampur aduk dengan huraian dan contoh-contoh yang disalin terus daripada petikan.

Antara langkah-langkahnya ialah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas Menangani Gejala Disiplin, membuka talian penting untuk mangsa buli di sekolah dan menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk menerima maklumat.

Isi tidak lengkap

Calon ini sebenarnya tidak mahir untuk mengenal pasti isi-isi tersurat yang terdapat dalam petikan, supaya dapat disenarai dan ditulis semula sebagai satu wacana untuk menjelaskan pernyataan pendahuluan. Jumlah isi yang dikemukakan calon tidak mencukupi.

KEKUATAN ISI TERSIRAT

Isi tersirat berdasarkan tugas soalan yang isinya perlu difikirkan di luar daripada petikan. Kekuatan jawapan isi tersirat bergantung kepada kemampuan calon untuk berfikir secara kritis dan kreatif dan mengemukakannya dengan tepat.

Keseluruhan calon dapat mengesan tiga isi tersirat yang popular. Isi tersebut ialah kesannya menjejaskan matlamat negara untuk melahirkan warganegara yang baik. Kejadian jenayah meningkat. Negara akan dipandang rendah oleh negara luar.

Kesannya kepada negara ialah ^{lahirlah} generasi yang tidak berdisiplin. Disamping itu, negara dipandang rendah oleh negara ~~nya~~ lain. Kejadian jenayah semakin meningkat.

Calon ini memahami soalan dan dapat menganalisis maklumat yang dikehendaki iaitu kesan masalah ini kepada negara.

KELEMAHAN ISI TERSIRAT

Terdapat calon yang tidak dapat mengemukakan isi tersirat yang mencukupi dan membuat tafsiran yang salah untuk dikategorikan sebagai isi tersirat yang lengkap.

Kesan masalah ini kepada negara ialah tiada pemimpin berwitawa pada masa akan datang dan ekonomi negara akan mandur.

KEKUATAN KESIMPULAN

Keseluruhannya calon dapat merumuskan perbincangan dengan memberikan cadangan atau harapan sebagai penutup dan menyatakan implikasinya.

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bersama-sama
dalam menangani masalah disiplin di sekolah ^{matlamat} agar h
Pendidikan Kebangsaan tercapai.

KELEMAHAN KESIMPULAN

Masih terdapat calon yang mengemukakan satu unsur sahaja dalam kesimpulan, atau ayat kesimpulan yang langsung tidak menggambarkan satu pernyataan penutup kepada perbincangan.

Konklusinya, masalah disiplin murid di sekolah
perlu diatasi segera

SOALAN 2 : PEMAHAMAN

Soalan 2a : Petikan Umum

Kekuatan

Calon menjawab dengan menggunakan bahasa yang cukup gramatis baik daripada segi imbuhan, pemilihan kosa kata, binaan frasa, struktur ayat mahupun penggunaan tanda baca dan sistem ejaan baru. Isi jawapan lengkap, jelas dan tepat kerana kemahiran calon menggunakan bahasa yang betul. Calon juga benar-benar faham maksud idea dan isi dalam petikan serta dapat memproses maklumat. Calon berkebolehan mengolah dan menyusun jawapan secara lancar dan sistematik.

Soalan (i)

Rangkaian kata sekolah yang berstatus elit bermaksud pusat pengajian
yang bertaraf tinggi, atau sekolah hebat.

Soalan (ii)

Peranan pendidikan di negara kita ialah melahirkan pemimpin
yang berwibawa, berkaliber dan kental jati diri. Pendidikan
juga akan menentukan hala tuju sesebuah negara.

Soalan (iii)

iii. Pada pendapat saya, pendekatan kaunseling dapat mengurangkan masalah disiplin di sekolah dengan cara memberikan kaunseling secara individu dalam bentuk nasihat. Kemudian guru kaunseling boleh memberi ceramah tentang keburukan salah laku disiplin. Guru kaunseling juga boleh memberi pengajaran kepada pelajar yang mempunyai masalah disiplin. Akhir sekali, guru kaunseling perlulah selalu mengikuti perkembangan pelajar bermasalah selepas di kaunseling.

Kelemahan

Calon tidak faham makna rangkai kata dalam soalan, khususnya makna yang berkaitan dengan konteks petikan. Calon masih lemah untuk mencari dan memproses maklumat di dalam petikan. Calon memberikan jawapan yang salah.

Soalan 2 (i)

Calon gagal memberi makna frasa yang tepat. Tidak memahami kehendak soalan.

2 a (i) Rangkai kata sekolah yang berstatus elit ialah suatu organisasi pentadbiran pendidikan yang bertaraf tinggi, mewah dan elegan.

Soalan 2 (ii)

Jawapan calon tidak lengkap. Isi tidak cukup.

(ii) Pendidikan berperanan sebagai penentu hala tuju sesebuah negara dan melahirkan pemimpin yang berwibawa.

Soalan 2 (iii)

Calon gagal dan keliru untuk memahami kehendak soalan. Soalan "bagaimanakah" sepatutnya adalah tentang "cara-cara" sedangkan kehendak soalan sebenarnya mengkehendaki calon mengemukakan kesan-kesan pendekatan kaunseling.

(iii) Pada pandangan saya, pendekatan kaunseling boleh mengurangkan masalah disiplin di sekolah melalui pendekatan sesi mata. Di sini, ~~hany~~ segala masalah hanyalah antara pelajar dengan guru kaunselor. Pelajar juga boleh meluahkan segala perasaan dan kaunselor perlu memberi reaksi positif. Guru kaunselor perlu menasihati dan tidak memberitahu masalah pelajar kepada orang lain.

Soalan 2b – Petikan Drama

Kekuatan

Calon dapat menjawab dengan baik menggunakan bahasa yang betul daripada segi tata bahasa dan makna. Isi yang dikemukakan mencukupi. Jawapan calon menepati kehendak soalan.

Soalan (i)

i) Pegawai tidak bersetuju dengan hasrat orang muda untuk menuntut kemerdekaan kerana baginya tiada gunanya merdeka pada hari itu sekiranya pada keesokan harinya pula mereka diperintah oleh negeri asing yang kejam dan ganas yang akan menyiksa mereka. Pegawai itu juga tidak bersetuju kerana orang Inggeris telah membantu dan memajukan mereka.

Soalan (ii)

ii) Sekiranya saya pegawai kerajaan, antara tindakan yang patut saya lakukan untuk memajukan penduduk kampung ialah merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan yang dapat memberi faedah kepada penduduk seperti menyediakan kawasan dan modal untuk penduduk berniaga. Selain itu, tindakan saya adalah dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk melalui aktiviti seperti pertanian dan perindustrian. Tindakan lain adalah dengan mengadakan hubungan baik dengan penduduk kampung dan menyeru mereka supaya bekerjasama dengan saya dalam

mej mengjukan diri dengan cara melibatkan diri dalam segala rancangan pembangunan yang diperkenalkan.

Soalan (iii)

iii) Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah, ~~kita~~ ^{rakyat} hendaklah memelihara ~~manula~~ ^{diri} dan harga diri. Pengajaran ini dapat dilihat dalam watak orang muda yang teguh berkeyakinan.

~~menjalinkan kemerdekaan dan dapat dibela.~~

Satu pengajaran daripada keseluruhan drama ialah kita hendaklah berusaha untuk membangunkan ^{dan bangsa} negara. Pengajaran ini dapat dilihat dalam diri pegawai yang lebih mengagung-agungkan orang Inggeris tanpa berusaha untuk memajukan bangsa.

Kelemahan

Calon gagal mengesan isi yang tepat. Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan.

Soalan (i)

i) Pegawai tidak bersejaja dengan hasrat orang muda untuk menuntut kemerdekaan negara kerana orang inggeris telah banyak membantu dan memberi kemewahan. Pegawai cukup berasa puas ^{dan berbangga} dengan jawatannya, ~~makanan~~ ^{makanan} dan tempat tinggal yang telah disediakan. Pegawai berasa bahagia dengan penjañahan orang Inggeris.

Soalan (ii)

1) Sekiranya saya menjadi pegawai kerajaan, tindakan-tindakan yang patut saya lakukan untuk memajukan penduduk kampung adalah dengan membangunkan pusat pendidikan seperti sekolah di kampung, menyediakan peluang pekerjaan yang banyak untuk penduduk kampung, memajukan aktiviti yang berlandaskan ekonomi di kampung seperti pertanian dan meningkatkan taraf hidup penduduk kampung.

Soalan (iii)

ii) Satu pengajaran daripada petikan adalah kita tidak seharusnya sombong dan angkuh atas kelebihan yang telah diberikan. Kita harus bersyukur atas apa yang telah dikurniakan dan kita tidak boleh berlagak atas apa yang telah kita terima. Satu pengajaran lain daripada keseluruhan drama adalah kita seharusnya mengelakkan diri kita daripada dijajah. Kehidupan dijajah merupakan sesuatu yang menyeksakan kerana terpaksa ikut kata-kata penjajah. Kita tidak bebas untuk melakukan apa sahaja.

Soalan 2c – Petikan Prosa Klasik

Kekuatan

Calon dapat memahami kehendak soalan seterusnya dapat menggunakan bahasa Melayu kini untuk mengungkapkan isi yang lengkap, baik bagi jawapan yang merujuk kepada kefahaman teks, mahupun jawapan yang memerlukan kemahiran berfikir. Makna ayat-ayat dalam bahasa Melayu Klasik dapat difahami oleh calon, seterusnya dapat mengemukakan isi yang cukup. Selain itu calon dapat menulis menggunakan ayat yang lengkap, tatabahasa dan ejaan yang betul. Isi tersusun kemas dengan tulisan tangan yang cantik. Tiada kesalahan ejaan dan sekiranya ada hanya pada tahap minimum.

Soalan (i)

c(i) - Faktor-faktor Tuan Bijang tidak akan terkena tulah ialah kerana beliau adalah anak adik Putri Jilan. Selain itu, Tuan Bijang juga tidak akan terkena tulah kerana penterana itu adalah waris dan mahkota untuknya. Tempat persenyaman itu miliknya.

Soalan (ii)

ii) Semasa Tuan Bijang berkhidmat bersama Sultan Lema Abang, Tuan Bijang memegang tepak. Dalam masa yang sama, Sultan tidak boleh duduk di atasnya kerana nanti punggungnya akan kegotalan. Selain itu, Sultan juga tidak boleh berjalan mendahului Tuan Bijang, kerana jika tidak baginda terasa seakan-akan dipegang.

Soalan (iii)

(iii) Semakin mengembara, ilmu juga boleh diperolehi melalui dalam maya seperti internet, alat media elektronik ^{dan} media massa. Selain itu, ilmu juga boleh didapati melalui pos dan pinjaman buku di perpustakaan dan pembelajaran di sekolah.

Kelemahan

Calon menulis dalam ayat yang tidak lengkap. Ayat tidak mempunyai subjek dan predikat yang lengkap. Terdapat juga ayat yang tergantung. Pengetahuan calon tentang prosa klasik amat lemah. Calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat. Kadangkala jawapan terpesong langsung daripada kehendak soalan. Ayat juga tidak gramatis. Calon salah memberi tafsiran istilah mahkota. Kebanyakan calon menganggap bermaksud benda dan bukan peristiwa takhta.

Soalan (i)

1. Faktor yang menyebabkan Tuan Bujang tidak ^{akan} terkena tulah apabila bermain-main di atas peteran ialah Tuan Bujang sememangnya pewaris raja. Kemudian, faktor berikutnya ialah Tuan Bujang ~~kehendak melihat~~ (mahkotanya).

Soalan (ii)

Calon salah tafsir perkataan tepak.

ii. Dua peristiwa luar biasa yang berlaku semasa Tuan Bujang berkhidmat dengan Sultan Lema Abang ialah Tuan Bujang boleh memotong pokok menggunakan tenaganya.

Soalan (iii)

Terdapat pelajar yang tidak dapat mengemukakan empat cara memperoleh ilmu. Soalan ini berkehendakan calon menjawab menggunakan kemahiran berfikir.

iii. Empat cara yang boleh dilakukan untuk memperolehi ilmu pada masa sekarang ialah ... di sekolah, mencari maklumat. ..., membaca surat khabar dan mengaitkan ... dengan kehidupan seharian.

Soalan 2d – Petikan Puisi Tradisional

Kekuatan

Calon dapat menjawab menggunakan bahasa yang gramatis dengan menggunakan kosa kata, istilah dan Bahasa Melayu. Calon dapat memahami gurindam ini dengan baik dan menghayati kandungannya secara mendalam.

Soalan (i)

i) Jika seseorang itu mengawal penglihatannya, maka dia dapat menjauhi dirinya daripada perkara-perkara maksiat. Apabila seseorang mengawal pendengarannya, maka dia dapat menjauhi dari mendengar perkara-perkara yang tidak baik seperti mengumpat, mengeji dan menghina. Dan apabila ^{seseorang} dia sentiasa mengawal pertuturannya, maka seseorang itu disenangi oleh orang lain.

Soalan (ii)

ii) Antara perkara yang wajar diamalkan oleh anggota masyarakat untuk menghindari sifat dengki ialah sentiasa mensyukuri di atas nikmat yang telah dibenikan oleh Allah. Sentiasa bergembira dan berdoa atas rezeki yang berbeza-beza Allah kurniakan untuk setiap orang. Memandang orang yang berada dibawah kerana kita akan lebih menghargainya daripada memandang orang yang berada diatas kita.

Soalan (iii)

iii) Kita hendaklah memelihara lidah kita daripada memperkatakan sesuatu yang tidak berfaedah dan sia-sia. Kita juga hendaklah memelihara telinga kita daripada mendengar perkara-perkara yang tidak baik dan tidak tahu kebenarannya. Kita hendaklah memelihara penglihatan kita daripada perkara-perkara maksiat dan tidak baik.

Kelemahan

Soalan 2d

Calon menggabungkan huraian untuk ketiga-tiga pancaindera. Jawapan calon menyebabkan terlalu umum.

Soalan (i)

1. -Kedatikan jika seseorang itu sentiasa mengawal penglihatan, pendengaran dan pertuturan ialah kita terhindar daripada melihat perkara ^{yang} perkara-maksiat. Kemudian, kita tidak akan mendetektor ^{atau} menaumpat yang tidak betul. Setengahnya, kita akan di dampingi oleh rakan yang baik akhirnya.

Soalan (ii)

Calon mengandaikan soalan ini memerlukan jawapan sama ada wajar atau tidak wajar anggota masyarakat menghindari sifat dengki yang diamalkan oleh masyarakat. Soalan mengkehendaki calon memberikan tindakan yang wajar diamalkan oleh anggota masyarakat untuk menghindari sifat dengki.

ii. Pada pendapat saya, wajar diamalkan oleh anggota masyarakat untuk menghindari sifat dengki kerana ~~if~~ sifat ini boleh memecahbelahkan masyarakat. Selain itu, sifat ini juga akan menyebabkan hubungan sesama masyarakat menjadi renggang. Kemudian, sifat dengki juga akan menyebabkan berlakunya fitnah-memfitnah, kutuk-mengutuk dan lain-lain lagi.

Soalan (iii)

Calon mengemukakan jawapan dalam ayat yang sukar difahami. Tidak memahami kehendak soalan.

iii. Pengajaran yang terdapat dalam qurindam tersebut ialah kita janganlah ~~if~~ bercakap perkara yang tidak berfaedah. Kemudian kita hendaklah berfikir ~~setahu~~. ~~Ia, kita janganlah dengki mendengar~~. Seterusnya, kita janganlah kita mendengar perkara yang ~~ipat~~ tipu

SOALAN 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Soalan 3a

Kekuatan

Calon dapat membina ayat dengan tepat dan gramatis menggunakan perkataan yang diuji. Calon dapat memahami maksud perkataan yang diuji dengan baik. Ayat-ayat yang diberikan gramatis, logik, dan aplikatif. Tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan yang dilakukan lagi oleh calon. Penggunaan kosa kata sesuai untuk menjelaskan maksud perkataan. Kesimpulannya, perkataan yang diuji pada kali ini dapat digunakan dalam ayat dengan betul dan bermakna.

- a) i) * Muka Humairah kelihatan merah setelah ~~betapa~~ menahan malu kerana kahnya terkoyak terkena ~~lari~~.
- ii) Dato' Dr. Fadzilah Kamsah menyipat petar ~~aktif~~ yang terkemuka di negara kita.
- iii) Jamilah melompat gembira apabila ~~hearnya~~ bersempena dengan Sheikh Muzaphar tercapai.
- iv) Permukaan meja yang tidak rata itu ~~menyebabkan~~ ^{menyebabkan} Qayyum sukar untuk menulis di atasnya.
- v) Fatim mengemukakan beberapa ~~usul~~ ^{supaya} ~~untuk~~ ^{untuk} ~~pembantuannya~~ memperbanyak kemudahan yang ada di ~~sekolah~~ untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- vi) "Saya tidak suka ~~erat~~ berkawan dengan orang yang suka bermuka - muka," kata Ima kepada ~~kawan - kawannya~~ kerana dia tahu salah seorang ~~kawannya~~ ~~menyebabkan~~ *telah mengkhianatinya.

Kelemahan

Calon membina ayat tidak menggunakan perkataan yang diuji dan tidak memahami maksud perkataan yang disoal itu dengan tepat. Contohnya perkataan "terkemuka", ditukar kepada "bermuka", "bersemuka" kepada "bermuka", "permukaan" kepada "muka", dan "mengemukakan" kepada "kemukakan."

(a)

(i)

Muka kamu nampak berseri-seri. "kata Ali kepada Aminah."

(ii)

Pereka fesyen yang terkenal itu telah meninggal dunia semalam.

(iii)

Semalam, Ali dan Ahmad bermuka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka berdua.

(iv)

Cermin mempunyai muka yang lebih rata jika dibandingkan dengan permukaan tanah yang tidak rata.

(v)

Ahmad telah kemukakan beberapa cadangan untuk mencantikkan kelas 5 Hamzah.

(vi)

Janganlah kamu bermuka-muka dengan saya. "kata ayah kepada Ah Leng."

Soalan 3b

Kekuatan

Calon dapat menukarkan "ayat aktif" kepada "ayat pasif" tanpa mengubah maksud asalnya dengan tepat dan lengkap. Calon berkemahiran menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif dengan kata ganti diri pertama dan kedua dan kata ganti nama diri ketiga dan menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif [di -] dengan betul.

- b) i) Beberapa buah buku masakan tradisional telah saya hasilkan antara tahun 2000 hingga 2006.
- ii) Setiap sayur-sayuran di belakang rumah mesti dimasak setiap petang.
- iii) Latihan intensif selama tiga bulan telah dijalankan oleh para pelatih Program Latihan Khidmat Negara. (6 markah)

Kelemahan

Calon tidak memahami konsep ayat pasif dan ayat songsang. Calon juga tidak dapat membezakan konsep binaan ayat pasif dengan kata ganti diri pertama dan kedua dan kata ganti nama diri ketiga. Begitu juga calon tidak memahami konsep binaan ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif [di -] dan penggunaan kata sendi pada binaan oleh + FN yang letaknya selepas kata kerja dalam struktur ayat pasif.

- b) i) Beberapa buah buku masakan tradisional telah dihasilkan oleh saya antara tahun 2000 hingga 2006.
- ii) Sayur-sayuran di belakang rumah mesti dimasak oleh saya setiap petang.
- iii) Latihan intensif akan/dijalani oleh Pelatih Program Latihan Khidmat Negara.

Soalan 3c

Kekuatan

Calon dapat mengetahui dan mengenal pasti dengan tepat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan yang terdapat dalam ayat. Calon dapat memahami

kehendak dan tugas soal. Contohnya calon menyalin semula ayat yang diberi tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya. Ada juga calon yang menyalin semula kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan itu semula dan membetulkannya dengan tepat.

c) i) Gerakan Cinta Bahasa Kita telah dilancarkan untuk mendukung memasyarakatkan bahasa Melayu.

ii) Setiap pusat pelupusan sampah hendaklah sentiasa dipantau supaya mesra alam dan tidak memudaratkan penduduk di sekitarnya.

iii) Pengurus syarikat itu menyasarkan peningkatan jualan produknya sebanyak tujuh puluh peratus dalam jangka masa setahun.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengesan kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan bagi perkataan yang diuji dalam ayat serta tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Calon juga tidak dapat membezakan penggunaan imbuhan [me -] dan [men -] bagi perkataan "mensasarkan" menjadi "menyasarkan" dan penggunaan imbuhan [me -] dan [pe -] seperti "melupuskan" kepada "pelupusan" dan penggunaan imbuhan [pe -] dan [per -] seperti "pelupusan" kepada "perlupusan".

(c)

(i) Gerakan Cinta Bahasa Kita telah dilancarkan untuk mendukung usaha kemasyarakatan Bahasa Melayu masyarakat berbahasa Melayu.

(ii) Setiap pusat pelepasan sampah hendaklah sentiasa di pantau supaya mesra alam dan tidak memudaratkan penduduk disekitarnya.

(iii) Pengurus syarikat itu menasarkan peningkatan jualan produknya sebanyak tujuh puluh peratus dalam jangka masa setahun.

Soalan 3d

Kekuatan

Calon dapat mengesan kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa dengan tepat. Calon dapat membetulkan kesalahan-kesalahan itu tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya. Calon menulis semula ayat yang diuji mengikut arahan atau tugas soal.

- d) i) Susun atur perabot di dalam bilik pameran itu dilakukan oleh sebahagian daripada pekerja daripada syarikat tersebut.
- ii) Keseluruhan penduduk kampung itu akan bergotong-royong apabila tiba musim membajak padi.
- iii) Selepas pilihan raya umum, biasanya terdapat sesetengah pihak menteri yang membuat spekulasi tentang rombakan kabinet yang akan dibuat oleh Perdana Menteri.

Kelemahan

Calon tidak dapat memahami konsep hukum D – M. Contoh "atur susun" menjadi "susun atur" dan penggunaan kata kerja "membajak padi" kepada "membajak sawah" dan lain-lain jawapan yang setara dengannya. Begitu juga dengan penggunaan rangkaian kata "pindaan kabinet" kepada "rombakan kabinet".

- d) i) Aturan perabot di dalam pameran bilik pameran itu dilakukan oleh sebahagian daripada pekerja daripada syarikat tersebut.
- ii) Seluruh Keseluruhan penduduk kampung itu akan bergotong royong apabila tiba musim membajak padi.
- iii) Selepas pilihan raya umum, biasanya terdapat setengah pihak yang membuat spekulasi terhadap pindaan kabinet yang akan dibuat oleh Perdana Menteri.

Soalan 3e

Kekuatan

Calon dapat memberikan maksud peribahasa dengan tepat dan lengkap. Penguasaan terhadap peribahasa sangat tinggi dan mendalam. Ini menunjukkan calon mempunyai usaha pembacaan yang luas.

- | | |
|------|---|
| i. | Bahasa merupakan sesuatu yang penting dalam menunjukkan personaliti bangsa. |
| ii. | Tidak pernah bercerai. |
| iii. | Mempunyai perasaan yang tenang. |

Kelemahan

Calon gagal memberikan peribahasa yang diuji dengan tepat. Calon meneka maksud peribahasa. Contohnya "bahasa jiwa bangsa" diertikan sebagai jati diri sesebuah negara dan "bahasa ibunda". "Bagai dakwat dengan kertas" diertikan sebagai persepaduan dan perkara yang pasti akan bertemu "seperti air dalam kolam" pula diertikan sebagai sesuatu yang lumrah dan tempat untuk berlindung dan lain-lain lagi jawapan yang tidak tepat atau logik.

- | | |
|----|---|
| e) | <p>i) ^{sesuatu} Bahasa itu menceritakan bangsa itu sendiri. Jadi, sesuatu bangsa perlu menjaga bahasa mereka.</p> <p>ii) Persepaduan dalam membuat sesuatu perkara.</p> <p>iii) Ilmu yang celek tidak akan membawa seseorang ke masa-masa.</p> |
|----|---|

Soalan 4a

Terminal Tiga

Kekuatan

Kekuatan jawapan calon ialah calon dapat mengemukakan dua persoalan maruah yang terdapat dalam novel Terminal Tiga. Calon juga mengemukakan huraian yang jelas dan lengkap tentang peristiwa yang berkaitan dengan dua persoalan maruah untuk mengukuhkan faktanya. Selain itu, calon dapat menulis jawapannya dengan menggunakan ayat yang lengkap, betul, dan gramatis untuk memperoleh markah maksimum untuk bahasa.

Novel yang telah saya pelajari ialah Terminal Tiga karya Othman Puteh.

Dalam novel ini terdapat persoalan maruah. Antara peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ini ialah semasa sewaktu Ramon mencabar Rimpa untuk meminum ~~pi~~ minuman keras. Ini dapat membuktikan bahawa Rimpa mementingkan maruah dan dia takut maruahnya ~~g~~ jatuh kerana tidak menurut kehormatan Ramon.

Selain itu persoalan maruah terdapat ~~sewaktu~~ apabila Ruzaini menghilangkan diri dengan mengikut kumpulan dakwah. Ini ~~Disini~~ dapat dilihat maruah wanita yang begitu tinggi telah hilang apabila Ruzaini mengikut ~~+~~ lelaki yang tidak dikenali serta tidak tahu kemana yang hendak ditujuinya.

Kelemahan

Kelemahan jawapan calon ialah calon tidak mengutarakan dua peristiwa persoalan maruah sebaliknya calon hanya mengemukakan huraian tentang kedua-dua persoalan maruah tersebut. Selain itu, terdapat calon yang mengemukakan satu persoalan maruah berserta dengan huraian sahaja. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh bagi isinya. Ada juga calon yang dapat mengemukakan dua persoalan maruah tetapi tidak dinyatakan secara jelas yang menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh bagi isinya. Calon juga tidak dapat menggunakan ayat yang lengkap dan gramatis.

Maruah sebagai seorang bapa ~~juga~~ dipersoalkan sewaktu ayah mertua menghilangkan diri selama 10 tahun tanpa berita. Tambahan pula ayahnya juga meninggalkan keluarga mereka dalam kesusahan menambahkan lagi soal maruah.

Oleh itu banyak persoalan maruah yang dipaparkan dalam novel Terminal Tiga ini yang boleh dijadikan panduan hidup kita.

1 isi

Hanya huraian

Perlumbaan Kedua

Kekuatan

Sebahagian besar calon memahami tugas soal dan menyatakan peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah. Calon dapat mengemukakan dua peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah berdasarkan novel yang dikaji dengan jelas. Bukti atau huraian yang diberi oleh calon tepat dan berkaitan dengan peristiwa seperti yang terdapat dalam novel yang dikaji. Calon mampu menggunakan ayat yang gramatis untuk menghuraikan jawapan menepati kehendak soal. Calon mampu memberikan dua isi jawapan seperti yang terdapat dalam skema pemarkahan dengan huraian yang tepat dan padat tanpa meleret-leret. Calon dapat mengolah jawapan dengan mantap. Jawapan calon tersusun dalam perenggan yang kemas.

- a) Novel yang dikaji ialah Perlumbaan Kedua yang dikarang oleh Marwilis Hj. Yusof. Terdapat banyak persoalan yang dipersoalkan oleh pengarang dalam novel ini. Salah satunya ialah persoalan maruah.
- Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan persoalan maruah. Antaranya ialah peristiwa apabila Tuk Kura bertungkus-lumus melatih suku-sukatnya menjalani latihan mel merentasi hampar batu yang licin dan membolos di kayu-kayu pokok tumbang. Latihan ini dilakukan untuk memastikan kemenangan Perlumbaan Kedua berpihak kepada Tuk Kura. Hal ini disebabkan Tuk Kura ingin mempertahankan maruah dan kemenangan nenek moyangnya dahulu.
- Selain itu, peristiwa lain yang ~~me~~ dikaitkan dengan persoalan maruah ialah ketika Tuk Kura muncul pada saat Perlumbaan Kedua bermula. Walaupun sebelum itu, berita kehilangan Tuk Kura telah tersebar kepada seluruh warga mengastha tetapi kemunculan Tuk Kura ~~yang~~ pada saat perlumbaan bermula memberi kemenangan kepada Tuk Kura apabila Tuk Kura ~~melan~~ bergolek dan melantunkan ~~cengkerang~~ cengkerangnya pada batu yang ~~&~~ terdapat dikali bukit sehinggakan Sang Arnab Putih tidak berjaya mengejarnya. Tuk Kura muncul di tempat ~~permainan~~ perlumbaan adalah untuk meneruskan perlawanan sebagaimana ^{yang} dijanjkannya dan memenangi perlumbaan tersebut demi

mempertahankan maruahnya dan melindungi kaum sukar-sakat daripada ~~di~~ dipijak oleh Sang Gajah.

Kesimpulannya, terdapat banyak lagi peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah dalam novel ini. Pertahankan maruah amat penting untuk setiap individu.

Kelemahan

Terdapat juga calon yang mengemukakan isi atau fakta yang tidak tepat seperti yang dinyatakan dalam skema pemarkahan. Contoh kelemahan calon ialah mereka gagal menyatakan nama watak yang betul seperti yang terdapat dalam novel yang dikaji. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan antara fakta yang benar dengan yang tidak berkaitan.

Selain itu, terdapat calon yang keliru antara persoalan maruah dengan masalah yang dialami oleh watak. Huraian tentang peristiwa yang melibatkan persoalan maruah agak ringkas atau pendek dan boleh menjejaskan pemberian markah. Sehubungan dengan itu, calon tidak mendapat markah penuh untuk isi. Olahan jawapan calon pula tidak sistematik kerana tidak ditulis dalam perenggan. Sementelahan, masih ada calon yang tidak menunjukkan penguasaan bahasa yang baik seperti penggunaan kosa kata yang tidak tepat dan sistem ejaan yang lemah. Dengan ini calon gagal mendapat markah penuh untuk bahasa. Calon juga tidak menyatakan pernyataan maruah, sebaliknya cuma memberi huraian atau contoh sahaja. Oleh itu, markah tidak dapat diberi kepada calon tersebut.

Peristiwa lain yang juga menjadikan maruah sebagai persoalan ialah watak kemarahan Pak Kura di saat akhir pertembungan. Ia hendak dibatalkan dimulakan. Pak Kura tetap berpegang kepada janjinya untuk bertembak dengan Fang Kancil bagi menjaga maruah kaum Kura Kura daripada di hina. Kemudian hari. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan ~~di~~ digigit, janjinya tetap dipegang oleh Pak Kura.

Salah watak

Di Hadapan Pulau

Kekuatan

Calon dapat mengemukakan isi jawapan yang sesuai, tepat, dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Kata tugas dalam soalan difahami dengan jelas dan persoalan maruah dihuraikan dengan tepat dan jelas. Pengolahan isi dibuat dengan jelas dan menepati kehendak soalan di samping penggunaan bahasa yang betul, tepat, dan gramatis. Hanya terdapat kesalahan yang paling minimum dan tidak menjejaskan jawapan calon.

a) Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu, Di Hadapan Pulau Kanya A. Samad Zaid, peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan mamah antaranya ~~ia~~ adalah ketika Aziz ternampak Rosiah, adik Takriah menjual mamahnya kepada tentera Jepun di kubu lama semata-mata untuk mendapatkan makanan. Rosiah yang dikenali sebagai seorang gadis yang sopan dan beragama sanggup melakukan perbuatan terkutuk itu kerana desakan hidup. Ini jelas menunjukkan betapa mamah seorang wanita terdow begitu sahaja.

Persodan mamah seterusnya dapat dilihat apabila Aziz Syed Zuhri memperdaya dan mengambil kesempatan terhadap kepada penduduk kampung dengan menjual minyak antar dan batu akik yang dipercayai mempunyai kelebihan dan kuasa ajaib. Izhar disihri menunjukkan ~~buta~~ jatuhnya mamah seorang Islam dan sanggup menipu hanya untuk mendapatkan wang yang sememangnya bertentangan dengan ajaran Islam.

Kelemahan

Jawapan yang dikemukakan terlalu umum. Ada isi tidak ada huraian dan sebaliknya ada huraian tanpa isi yang relevan. Hal ini menjejaskan markah calon. Ada juga dalam kalangan calon mengemukakan nama watak yang salah malah mencampuradukkan dengan fakta yang tidak berkaitan. Huraian calon juga ada yang tidak jelas dan mengandungi kesalahan bahasa yang boleh menjejaskan pengutaraan isi. Selain itu pengolahan tidak mempunyai kohesi antara isi dengan huraian dan dengan isi yang berikutnya.

* Berdasarkan novel di hadapan pulau karya A. Samud	
sara, antara peristiwa yang dapat ditakutkan dengan	
persoalan maruah setah adalah sikap Takleh dan	
setah yang sanggup mengabdikan maruah mereka demi	
meneruskan kehidupan pada zaman peperangan. Mereka	
sudah tidak lagi mempertah mempedulikan soal	Umum
maruah dan sanggup bersekedudukan dengan tentera	
Jerman bagi mendapatkan wang untuk menyara	
kehidupan mereka.	
Namun begitu , Joyah memikirkan maruah keluarga	
dan dirinya sehingga tidak mahu bercerai dengan	
Rudin. Walaupun sering dipukul dan ditampar,	
dia tidak mahu meruntut berat kerana rrsau pandangan	
masyarakat terhadap dirinya. Dia lebih rela mengadai	
risetiv kepada kawu tadi daripada bergelar seorang	
Ganda. Dia juga berusaha menyara Azz kerana	
amanat bapa Azz selain mengasa marudahnya.	
Azz pula sanggup beratur untuk membeli tadi	
dan merendahkan maruah dan kedudukannya untuk	
mendapatkan wang. Ini selal menunjukkan kehidupan	
terdesak pada zaman perang.	

Bukit Kepong

Kekuatan

Kebanyakan calon memahami tugas soal iaitu menyatakan peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah. Calon dapat mengemukakan dua peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah berdasarkan novel yang dikaji dengan jelas. Bukti dan huraian tepat dan berkaitan dengan peristiwa seperti yang terdapat dalam novel yang dikaji. Calon mampu menggunakan ayat yang gramatis untuk menghuraikan jawapan dengan jelas. Calon mampu memberikan dua isi jawapan dengan huraian yang tepat dan padat tanpa meleret-leret. Olahan jawapan mantap dan tersusun.

a) Berdasarkan novel Bukit Kepong karya Ismail Johari, saya dapati bahawa terdapat persoalan maruah. Contoh peristiwa yang mengaitkan persot-persoalan maruah ialah ketika pihak komunis menahan sebuah bas yang membawa penumpang termasuk isteri Otman Yusoff iaitu Limah. Penumpang-penumpang bas terpaksa mengabdikan maruah dan kehormatan diri mereka demi menyelamatkan nyawa. Mereka dipaksa membuka pakaian masing-masing dan hindarkan kontak dengan sesuatu yang tidak berperikemanusiaan.

Contoh peristiwa yang mengaitkan persoalan maruah ialah ketika Rumah Pasung Bukit Kepong diserang oleh pasukan komunis. Peristiwa ini menunjukkan semangat dan kecekalan anggota polis yang sanggup berjuang hingga mengabdikan nyawa demi mempertahankan tanah air daripada penjajah komunis. Otman Yusoff terselamat dalam perjuangan membela maruah tetapi tidak dapat berkhidmat sebagai anggota polis kerana kakinya terpaksa dipotong akibat kecederaan ~~perang~~ ketika bertarung di Rumah Pasung Bukit Kepong.

Kelemahan

Terdapat calon yang mengemukakan isi atau fakta yang tidak tepat contohnya nama watak yang tidak wujud dalam cerita. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan antara fakta yang benar dengan yang tidak berkaitan. Calon juga keliru antara persoalan maruah dengan masalah yang dialami oleh watak. Huraian tentang peristiwa yang melibatkan persoalan maruah agak ringkas atau pendek yang boleh menjejaskan pemberian markah. Olahan jawapan tidak sistematik kerana tiada sistem perenggan yang sesuai. Penguasaan bahasa yang lemah juga seperti kosa kata dan tanda bacaan juga menjejaskan huraian isi jawapan.

Berdasarkan novel Bukit Kepong karya Ismail Jahan, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan maruah. Antaranya ialah peristiwa ketika 18 orang askar Melayu telah diserang hendap oleh 180 orang komunis. Di sini, menunjukkan komunis **Watak tidak tepat** sesungguhnya tidak bermarah kerana menggunakan taktik kotor. Di samping itu persoalan maruah yang terlibat ialah persoalan mengenai kesungguh jebah masyarakat dalam mempertahankan maruah bangsa. Di sebalik di serang hendap oleh komunis, askar Melayu sanggup berati-ati. Sehingga tuisan dalam terakhir demi mempertahankan **mamah bangsa** dan pada dijajah dan dirabek. Pada dalam peristiwa tersebut juga menunjukkan bagaimana seseorang itu ^{tidak dalam} mempertahankan **mamah diri** ~~tidak dengan taktik~~ **Umum** sanggup melihat dirinya ~~itu~~ teras dengan mudah. Peristiwa seterusnya berlaku sewaktu rombongan bus ke ~~suatu~~ pulang dan **suatu tempat** telah dihalang oleh sebatang pokok yang menghalang jalan. Mereka yang berada di dalam bus kemudiannya dirampok ~~ter~~ yang ~~ter~~ matah dibogetkan sebahagian penumpang bus tersebut ^{yang} rata-ratanya **isteri-isteri askar Melayu** telah diarah ~~ke~~ untuk bertolak sebahagiannya oleh **askar komunis**. Selepas itu, **bus telah dilanikan** di sini melalui peristiwa tersebut maruah diri bukan sahaja seorang malah beberapa orang wanita telah dicalar apabila ~~di~~ ~~di~~ dengan ~~pernah~~ perbuatan ~~ya~~ yang sedemikian. **Salah fakta**

Konserto Terakhir

Kekuatan

Secara keseluruhan calon dapat menjawab soalan dengan baik. Calon yang cemerlang mampu mengemukakan contoh peristiwa yang dikehendaki berhubung persoalan maruah dengan terperinci dan bersesuaian dengan konteks. Manakala calon baik dan sederhana, calon turut berupaya mengemukakan contoh peristiwa dengan persoalan maruah dengan

tepat. Calon mampu mengaitkan peristiwa berkisar watak dalam novel ini dengan persoalan maruah. Di samping itu, calon yang baik mampu menggarapkan peristiwa yang berlaku berdasarkan persoalan maruah diri, maruah keluarga, dan maruah masyarakat. Melalui aspek bahasa, hanya sejumlah kecil calon melakukan kesilapan. Secara keseluruhan calon mampu menggunakan bahasa yang bersesuaian bagi menerangkan isi dan dapat difahami dengan mudah.

Berdasarkan novel *Koncerto Terakhir* karya Abdullah Hussain terdapat beberapa peristiwa yang dapat dikaitkan dengan ~~maruah~~ persoalan maruah. Antaranya ialah maruah seseorang yang tinggi pangkatnya tercabar. Contohnya, maruah Datin Salmah tercabar apabila mengetahui Hilmi seorang pemuda kampung dan tidak berpendidikan tinggi menjadi tukang kebun di rumahnya. Dia bimbang dia akan diketawakan oleh teman-temannya. Seterusnya, maruah sebagai seorang Islam yang timbul dalam diri. Contohnya, Hayati sudah mula bersembahyang dan membaca al-Quran sejak kedatangan Hilmi ke rumah tersebut. Selain itu, maruah orang Islam yang sudah pudar dari dalam diri. Hal ini dapat dilihat pada watak Datin Salmah dan Datuk Johari yang memiliki mini bar di dalam rumah mereka yang bertentangan dengan ~~ajaran~~ ajaran Islam, sebenar. Persoalan yang seterusnya ialah maruah pemain muzik yang diketepikan. Contohnya, Pak Bakar terpaksa menggadarkan maruahnya sebagai seorang pemain muzik bagi membenarkan pihak persatuan muzik menerima Hilmi sebagai salah seorang ahli persatuan muzik. Persoalan seterusnya ialah maruah seorang bapa yang ~~tergoda~~ tidak mementingkan keluarga. Contohnya, Datuk Johari tidak mengajar ahli keluarganya cara-cara untuk berkelat tetapi memberi contoh yang tidak baik.

Kelemahan

Calon yang lemah hanya mampu mengemukakan peristiwa yang berlaku tetapi tidak dapat mengaitkan dengan aspek persoalan maruah. Calon-calon ini lebih menekankan aspek peristiwa tanpa mengaitkan dengan persoalan maruah. Manakala aspek tatabahasa pula, calon yang lemah tidak mampu menggunakan istilah yang tepat untuk mengaitkan peristiwa dengan persoalan maruah menyebabkan mereka gagal memperoleh markah penuh.

Peristiwa seterusnya ialah semasa Hilmi diherdik oleh

Datin Solmah dan dilarang daripada menikmati hidangan makan malam :

Tidak dapat mengaitkan peristiwa dengan maruah

Seteguh Karang

Kekuatan

Secara keseluruhannya calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Mereka dapat mengemukakan isi yang lengkap dan jelas seperti yang dikehendaki dalam soalan yang dikemukakan. Calon dapat menyampaikan dua isi berkaitan dengan peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah. Isi yang diberikan dapat diuraikan dengan jelas untuk memperoleh dua markah bagi setiap peristiwa yang diuraikan itu. Fakta-fakta yang dikemukakan juga tepat seperti yang terdapat dalam novel Seteguh Karang seperti watak Awanis, Encik Johari, ladang kelapa sawit, dan lain-lain lagi. Calon juga dapat menjawab dengan menggunakan bahasa yang gramatis mengikut laras yang betul. Contohnya, maruah Awanis tercalar kerana dihina oleh Encik Johari. Kesalahan tatabahasa juga kurang ketara kerana calon dapat menguasai tatabahasa dengan baik. Misalnya aspek morfologi dan sintaksis dapat diaplikasikan dalam jawapan calon.

(a) Saya telah memilih novel 'Seteguh Karang', karya Tuan Fardah Syed Abdullah. Persoalan berkaitan maruah, sebelum disentuh oleh penulis novel ini, berpanduan beberapa peristiwa. Maruah bermaksud imej, harga diri dan air muka. Maruah melambangkan status seseorang. Menerusi novel ini, persoalan maruah berkait rapat dengan lingkungan kehidupan watak utama novel ini, Awanis.

Peristiwa pertama, ialah peristiwa Anis dicabar oleh Encik Johari untuk menjatuhkan setandan kelapa sawit. Di sini, Encik Johari, penyelia Awanis, mencabar maruah Awanis dengan memberikan arahan yang menyeksakan Awanis. Demi mempertahankan maruahnya sebagai seorang perempuan, terhadap ego Encik Johari. Dengan penuh ketabahan, akhirnya Awanis berjaya menjatuhkan setandan kelapa sawit. Bagi Awanis, dia bukan sahaja dapat menjatuhkan setandan buah kelapa sawit, bahkan menjatuhkan maruah Encik Johari yang ego dan sombong itu.

Peristiwa kedua, ialah peristiwa Awanis berjumpa dengan ibu bapa Anita, demi mempertahankan maruah Anita sebagai seorang anak. Awanis berani bersemuka dengan Encik Lee dan Puan Lee dan memarahi keduanya kerana menjatuhkan maruah Anita dengan menganggep Anita sebagai 'pembawa sial' dalam keluarga. Encik Lee dan Puan Lee sanggup menyerahkan Anita (Swee Ling) kepada Puan Azah kerana menganggep bayi itu (Anita) tidak membawa kebajikan dalam keluarga.

Kelemahan

Masih ada calon yang tidak memberikan isi yang mencukupi iaitu satu isi pada hal soalan dengan jelas meminta calon mengemukakan dua peristiwa. Hal ini terjadi disebabkan oleh calon tidak berhati-hati ketika membaca soalan. Di samping itu, ada juga calon yang gagal mengemukakan fakta yang tidak tepat seperti nama watak, peristiwa dan latar novel Seteguh Karang. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh calon tidak membaca dan menghayati teks tersebut. Tidak kurang juga calon yang meremehkan aspek bahasa. Misalnya nama khas, awanis, dieja dengan huruf kecil, salah penggunaan tanda baca dan lain-lain lagi. Hal ini menyebabkan markah bahasa akan dipotong.

Selain itu, Encik Lee iaitu bapa kandung Anita sanggup membuang anaknya demi menjaga maruah keluarga kerana dia percaya kelahiran Anita membawa sial. Kehidupan sosial bangsa Cina yang masih sempit dengan mempercayai percaya karut demi menjaga maruah keluarga dan perniagaannya. Anita yang tidak bersetuju dengan pendapat Encik Lee menegaskan bahawa Anita tidak menjatuhkan maruah keluarga kerana bawanya ayahnya mempunyai perniagaan yang maju semasa membesarkan Anita.

Isi tidak cukup -1 isi sahaja

Salah watak

Julia

Kekuatan

Keseluruhannya, kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan tepat mengikut tugasan soalan. Pelajar dapat memahami maksud persoalan maruah dan dapat menghuraikan dua peristiwa yang berkaitan dengan maruah dengan jelas dan lengkap. Calon juga dapat menunjukkan persoalan maruah dari aspek tertentu misalnya maruah diri, keluarga, agama, dan sebagainya. Bahasa yang digunakan juga baik meliputi pembinaan ayat yang gramatis, ringkas tetapi tepat. Sistem ejaan juga betul dan tepat.

(a) Berdasarkan novel Julia karya Abu Hassan Merad, peristiwa yang dapat dikaitkan dengan maruah ialah apabila Julia sedar tentang dirinya yang akan menjadi tempat bergantung adik-adiknya selepas ibu dan ayahnya meninggal dunia. Julia sedar dia perlu berubah untuk ^{untuk} ~~mencerminkan diri~~ menjadi ~~sebagai~~ seorang kakak yang baik dan boleh mendidik adik-adiknya. Selain itu, persoalan maruah dapat digambarkan apabila kedua ibu dan bapa Julia sepakat untuk menghantar Julia ke Australia. Mereka sedar Julia semakin terjerumus ke lembah maksiat. Sebelum ianya terjadi mereka mahu Julia berhijrah untuk menjadi seorang yang bermaruah.

Kelemahan

Terdapat calon yang mengemukakan isi yang tidak tepat, contohnya calon tidak menyebut nama watak atau nama tempat tidak tepat, kerana mencampuradukkan fakta yang benar dan yang tidak berkaitan. Calon juga keliru antara persoalan maruah dengan masalah. Huraian calon juga kurang jelas dan terlalu umum. Olahan jawapan tidak sistematik kerana tiada sistem pemerenggan yang sesuai. Penguasaan bahasa juga lemah dan pembinaan ayat tidak gramatis.

Dia juga digambarkan sebagai seorang yang pandai menjaga maruah dirinya. Dia tidak mahu berkawan dengan Rasyid yang cuba mengambil kesempatan atas dirinya. Walaupun banyak kali dipujuk, Dia tetap enggan menerima Rasyid kerana khawatir maruah dirinya tergendai.

Nama watak tidak disebut, (tidak jelas)

Putera Gunung Tahan

Kekuatan

Calon dapat mengemukakan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan 'persoalan maruah.' Calon dapat mengemukakan jawapan dalam ayat dengan menggunakan bahasa yang lengkap dan gramatis. Jawapan calon lengkap dengan huraian yang menepati dengan peristiwa yang dikaitkan dengan persoalan maruah. Ada calon yang dapat mengemukakan lebih dari dua peristiwa yang dikehendaki. Kematangan calon menjawab soalan dapat dilihat melalui jawapan yang mantap dan lengkap dengan memberikan gambaran peristiwa yang berkait dengan persoalan maruah dan diikuti dengan huraian pengukuhan bagi mengukuhkan lagi hujah mereka terhadap peristiwa yang dikemukakan oleh mereka itu.

Berdasarkan novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj Muhammad, terdapat dua ~~perse~~ peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah. Salah satu adalah peristiwa Perempuan Tua dan Tuan Robert. Setelah Tuan Robert ditangkap oleh orang Sakai, dia bertemu dengan ~~perempuan~~ perempuan tua dan berharap untuk pertolongan. Perempuan Tua yang mempunyai sikap nasionalisme yang tinggi tidak suka akan sikap orang Inggeris itu. Walaupun ditawarkan dengan ganjaran lumayan, Perempuan Tua tetap tidak mahu memberi Tuan Robert kulit Rimau Putih. Densi menjaga maruah bangsanya yang dijajah oleh pihak Inggeris. Perempuan Tua menolak tawaran Tuan Robert dan ~~berjaya memperdagangkannya~~ Tuan Robert mati jatuh pokok akibat cendai yang dikenakan oleh Perempuan Tua yang ingin membela maruah bangsa Melayu dan negaranya. Peristiwa kedua adalah antara Ratu Bongsu dan Tuan William. Apabila Tuan William bertemu dengan Ratu Bongsu, dia menyatakan hasratnya untuk membeli puncak Gunung Tahan dengan menawarkan wang sebagai ganjaran. Malahpun begitu, wang ringgit yang banyak tetap tidak meruntuhkan semangat patriotisme Ratu Bongsu dan keinginannya mempertahankan maruah bangsanya. Ratu Bongsu ~~juga~~ mempertahankan maruah negara dan bangsanya setelah dapat membaca tipu daya Tuan ~~Rat~~ William yang akhirnya mati terhidu gas beracun.

Kelemahan

Kelemahan calon dalam menjawab soalan ini ialah daripada segi isi yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak mencukupi mengikut kehendak soalan. Calon hanya mampu memberikan satu peristiwa sahaja, sedangkan soalan menghendaki calon memberikan dua peristiwa. Selain itu, ada juga calon yang tidak memberikan gambaran peristiwa yang dikehendaki, sebaliknya calon hanya memberikan huraian secara umum tentang bahagian cerita tersebut. Penggunaan ayat dan bahasa juga kurang gramatis. Terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tatabahasa yang calon lakukan. Ada juga calon yang hanya menyatakan peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah, tetapi tidak diberikan huraian tentang peristiwa tersebut. Terdapat juga calon yang hanya memberikan sinopsis cerita tersebut dan langsung tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

Berdasarkan novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Haji Muhammad	
antara peristiwa yang berkaitan dengan maruah adalah sewaktu Ratu	Hanya memberi huraian
Rangsu enggan menyerahkan puncak Gunung Tahan kerana ingin	
mempertahankan maruah tanah airnya yang tercinta. Beliau tetap	
tegas mempertahankannya walaupun Tuan William menawarkan ganjaran	
yang lumayan kepadanya. Selain itu, peristiwa Mem William yang	
ingin berlaku curang kepada suaminya dengan menjalinkan hubungan	
dengan Ratu Bongsu mencalarkan maruahnya sebagai seorang isteri.	
Perbuatannya itu menunjukkan bahawa nilai maruah seorang isteri pada	
ditanya sangat murah kerana dia begitu mudah tertarik hati kepada	
Ratu Bongsu.	

Soalan 4b

Kekuatan

Keseluruhannya calon dapat mengemukakan watak utama dengan tepat dan cara watak utama untuk menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya berdasarkan novel yang dikaji. Huraian dan contoh bagi menyokong cara penyelesaian tersebut tepat dan jelas. Latar tempat dan watak berdasarkan peristiwa yang diberi bagi menyokong jawapan calon adalah tepat. Penyampaian yang diberikan tersusun dengan bahasa yang gramatis dan lancar. Struktur ayatnya sempurna. Jalan bahasa yang digunakan oleh calon kemas dan menarik. Ejaan dan tanda bacaannya betul. Huraian dan contoh yang diberikan disampaikan dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna.

Kelemahan

Calon menjawab dalam bentuk nota dan jadual. Calon gagal memberi watak utama atau telah mengemukakan watak lain yang tidak wujud dalam teks, sebagai watak utama. Calon juga gagal menunjukkan konflik yang berlaku. Namun calon hanya memberi huraian tanpa dapat mengaitkan huraian dengan pernyataan. Walaupun calon memahami kehendak soalan, namun calon gagal mengemukakan huraian yang menunjukkan cara penyelesaian masalah atau konflik oleh watak utama. Malah masih terdapat calon yang memberi jawapan dalam bentuk nombor. Terdapat juga calon yang membuat perbandingan konflik watak antara dua buah novel yang dipilih. Terdapat juga kesalahan ejaan yang ketara dalam jawapan calon, serta calon memberi fakta yang salah.

Terminal Tiga

Kekuatan

Keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan 4(b) dengan baik mengikut kehendak soalan. Watak utama Rimpa disebut dengan tepat. Calon dapat menyatakan konflik. Contohnya, Rimpa menghadapi konflik ekonomi keluarga dan dia ingin memperbaiki taraf hidup keluarganya. Calon juga dapat menceritakan cara untuk menyelesaikan konflik. Contohnya,

Rimpa telah berhijrah ke Kuala Lumpur dan menuntut di Akademi Seni Kebangsaan untuk membaiki taraf hidupnya. Jawapan yang jelas membolehkan pelajar mendapat markah penuh. Jawapan dipersembahkan secara tersusun dalam perenggan yang jelas dan kemas. Ayat yang digunakan gramatis dan lancar. Jawapan juga bebas daripada kesalahan ejaan, tanda baca, dan struktur ayat. Jelasnya, daripada jawapan calon, dapat dilihat penguasaan persembahan isi yang mantap terhadap novel yang dipilih.

konflik yang dihadapi oleh Rimpa dalam novel 'Terminal Tiga', ialah dia kehilangan ayahnya selama 10 tahun dan dia berhadapan dengan masalah kewangan dan keluarga dalam melanjutkan pelajaran ke Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Rimpa berhadapan dengan konflik dengan penuh ketabahan. Dia berusaha mencari ayahnya sehingga ke Nabawan. Dia terpaksa menggantikan tempat ayahnya sebagai ketua keluarga. Dia meminta bantuan Bang Maily bagi menguruskan pinjaman pelajarannya. Bang Maily membantu Rimpa atas dasar simpati dan lagum dengan semangat anak muda itu. Akhirnya, di penghujung cerita, ayah Rimpa pulang semula ke rumah dan pinjaman pelajaran Rimpa dituluskan.

Kelemahan

Calon gagal menjawab seperti yang dikehendaki oleh soalan. Soalan memerlukan calon menyatakan konflik dan menyebut cara mengatasi. Sebaliknya, calon tidak menyatakan konflik tetapi menulis sinopsis yang tidak menepati kehendak soalan. Contoh: Novel Terminal Tiga merupakan seorang yang penyabar. Walaupun Roman telah melakukan pelbagai kejahatan terhadap dirinya, namun Rimpa tetap bersabar menghadapi rintangan. Terdapat juga calon yang menulis konflik sahaja, contohnya: "Rimpa menghadapi konflik kehilangan ayahnya sejak kecil lagi". Calon juga gagal memberi huraian yang lengkap, contohnya, "Rimpa menghadapi konflik kemiskinan keluarga dengan mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan".

b) Dalam novel Terminal Tiga merupakan seorang yang penyabar. Walaupun Roman telah melakukan pelbagai kejahatan terhadap dirinya, tetapi Rimpa tetap bersabar menghadapi rintangan.

Peristiwa dan penyelesaian konflik tidak jelas

Perlumbaan Kedua

Kekuatan

Pada keseluruhannya, calon berjaya menjawab soalan 4(b) dengan baik. Calon dapat mengemukakan konflik yang dihadapi oleh watak utama dan cara penyelesaiannya dengan jelas. Contohnya, "dalam Novel Perlumbaan Kedua, konflik cuba dipaparkan apabila kaum kura-kura tidak mahu menghantar wakil untuk berlumba dengan kaum arnab. Tok Kura mengatasinya dengan menghilangkan diri sehingga hari perlumbaan. Akhirnya Tok Kura sendiri yang berlumba dengan Sang Arnab Putih dan memenangi perlumbaan berkenaan". Penyampaian yang diberikan tersusun dengan bahasa yang gramatis dan lancar. Struktur ayatnya sempurna. Penggunaan tanda baca dengan betul. Huraian disampaikan dalam bentuk perenggan yang kemas. Calon mampu menguasai Novel Perlumbaan Kedua dengan baik dan memberikan contoh dan huraian dengan tepat.

Berdasarkan novel Perlumbaan Kedua pula, timbul konflik apabila Tuk Kura dituduh ingin menyeksa suku-sakatnya. Tuk Kura telah melatih suku-sakatnya meniti batang yang licin dan apabila mereka tidak berjaya, mereka telah merungut dan menuduh Tuk Kura cuba menyeksa mereka. Konflik timbul kerana Tuk Kura telah dihalau oleh kaumnya sendiri. Sebagai langkah penyelesaian, Tuk Kura yang merupakan watak utama cerita ini telah membuktikan kepada semua binatang bahawa latihan-latihan mencabar itu sesuai dijalankan kerana perlumbaan kedua dengan Sang Arnab diadakan di lereng bukit. Konflik terlesai apabila Tuk Kura berjaya menyelesaikannya dengan memenangi pertandingan tersebut.

Kelemahan

Terdapat sebilangan kecil calon tidak menyatakan konflik sebagaimana dikehendaki dalam arahan soalan. Pelajar hanya menyatakan cara penyelesaiannya sahaja. Contohnya: "Dalam Novel Perlumbaan Kedua, kura-kura berusaha sedaya upaya untuk memenangi perlumbaan itu. Kura-kura berusaha bersungguh-sungguh untuk menamatkan perlumbaan." Terdapat sebilangan kecil calon yang tersilap nama watak, contohnya "Tok Kura" dinyatakan sebagai "Sang Kura-kura". Selain itu, nama khas ditulis dengan huruf kecil, contohnya 'tok kura'. Terdapat kesalahan ejaan dalam jawapan calon. Calon juga membuat perbandingan cara penyelesaian konflik antara dua watak utama. Perbandingan berkenaan dibuat dalam satu perenggan yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami arahan soalan.

(b) Berdasarkan novel Perlumbaan kedua dan Julia, cara watak utama menyelesaikan
sebuah konflik yang dihadapinya berbeza. Dalam novel ~~perlumbaan kedua~~
Perlumbaan kedua, kura-kura berusaha sedaya upaya untuk memenangi
perlumbaan itu manakala dalam novel Julia Julia bersifat tabah untuk
menghadapi konflik.

Tiada
konflik

Dalam novel ~~perlumbaan kedua~~ Perlumbaan kedua, kura-kura begitu bersemangat
bersungguh-sungguh dan ~~me~~ berusaha sedaya upaya untuk menamatkan
perlumbaan. Walaupun kura-kura tidak mengharapkan kemenangan, dia masih
tidak mengaku kalah dan berputus asa.

Di Hadapan Pulau

Kekuatan

Calon dapat menjawab soalan dengan mantap, dapat menyatakan nama watak utama yang menghadapi konflik dengan jelas. Konflik yang dikemukakan jelas dan huraian atau contoh yang diberikan sesuai. Cara penyampaian calon tersusun, jelas, dan kemas kerana calon berjaya mengemukakan konflik yang dihadapi oleh watak utama iaitu Aziz. Cara mengatasi konflik disokong dengan contoh-contoh rentetan peristiwa dan nama-nama watak yang terlibat dengan lengkap. Contohnya: "Berdasarkan novel Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said, watak utama yang ditonjolkan ialah Aziz. Antara konflik yang dihadapinya ialah kekurangan bekalan makanan. Dalam menyelesaikan konflik yang dihadapinya, Aziz telah berusaha mencari makanan di mana-mana sahaja tanpa berputus asa." Aziz pergi ke kedai-kedai kosong untuk mencari makanan. Aziz juga berani pergi ke kubu-kubu lama walaupun keadaan genting ketika zaman berperang." Struktur ayat sempurna, ejaan, dan tanda baca betul.

Dalam ~~di~~ Di Hadapan Pulau pula, bagi mengatasi
masalah kesempitan wang yang dihadapinya, ^{Aziz} dia sanggup
mengambil upah menjual todor bagi membeli makanan
untuk dia dan Afidah. Aziz sanggup memberanikan diri
bagi mengatasi konflik yang dihadapinya. Dia juga
memberanikan diri untuk pergi ke kubu lama bagi
mendapatkan makanan yang kononnya disondukan
di situ.

Kelemahan

Calon hanya menghuraikan cara watak utama menyelesaikan konflik tetapi tidak menyatakan konflik. Contohnya, Aziz mengambil upah membeli todi untuk menyelesaikan konflik yang dihadapinya iaitu konflik kekurangan makanan. Di samping itu, huraian penyelesaian konflik oleh calon adalah kurang jelas. Huraian kabur, contohnya calon menyatakan bagaimana Aziz menyelesaikan kesulitan yang dihadapinya (konflik ketika menghadapi masalah makanan) ialah dengan cara bijaksana sahaja tetapi tidak menerangkannya dengan jelas. Daripada segi watak, calon tidak menyatakan nama watak, sekadar menghuraikan konflik dan huraian. Di samping itu, calon menyatakan watak utama yang salah iaitu Joyah dan bukannya Aziz. Selain itu juga, calon hanya mengemukakan sinopsis sahaja. Calon hanya menjawab Putera Gunung Tahan. Selain itu, calon juga menyatakan fakta yang salah. Misalnya Joyah menjadi pelacur.

Bagi novel di hadapan pulak watak A samad said, Azz yang mengalami konflik jiwa kerana ketiadaan bapanya telah berlari-lari dan mengemangis di persisiran pantai malam, apabila Azz dah kehilangan tuk marzuki, dia telah berusaha menenangkan perasaan rakannya itu. Semasa ketiadaan makanan, dia dari Azz telah pergi ke pulau yang terpencil itu untuk mencari bahan makanan dan tersempak dengan kapten hebat yang sedang memakan mekong. Jika menjumpai makanan, dia akan berkongsi dengan Azz.	Penyelesaian konflik tidak jelas
---	--

Bukit Kepong

Kekuatan

Calon dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Calon dapat menyatakan nama watak dengan tepat dan konflik yang dihadapi oleh watak utama dengan jelas diikuti dengan huraian yang lengkap. Contohnya: "Othman menghadapi konflik dengan ibunya yang melarang Othman menyertai pasukan polis. Othman menyelesaikan konflik dengan rela berkahwin dengan Limah, gadis pilihan ibu bapanya, asalkan ibunya membenarkan dia mengikuti latihan polis. Calon juga dapat menjawab dengan menggunakan ayat yang ringkas dan tepat. Jawapan calon ditulis dalam perenggan yang berbeza bagi dua novel.

Berdasarkan novel Bukitkepong karya Ismail Johari, watak utamanya ialah Othman. Berdasarkan novel ini, Othman dipaparkan sebagai individu yang menghadapi pelbagai konflik. Antara konflik yang dihadapi Othman ialah serangan komunis terhadap rumah pasung Bukit Kepong. Dalam peristiwa tersebut yang berlaku sewaktu ramai anggota polis masih tidur di berek kelamln, Othman telah berjuang bersungguh-sungguh dengan penuh kecekalan. Dalam serangan tersebut ramai anggota polis yang telah terkorban termasuk anggota keluarga mereka. Walaupun ramai anggota polis yang telah terkorban dan pasukan polis menjadi semakin lemah, Othman tetap tidak berputus asa dan mengaku kalah semasa diminta oleh pihak komunis untuk menyerah kalah. Dalam peristiwa tersebut, Othman tetap gigih berjuang walaupun mengalami kecederaan yang parah di kaki kirinya.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengemukakan watak utama dan jawapan calon hanya secara umum. Contohnya: konflik yang dihadapi oleh watak utama ialah ... Calon juga menulis nama lain sebagai watak utama. Contohnya: nama 'Othman' ditulis sebagai 'Sarjan Jamal dalam Bukit Kepong. Seterusnya, jawapan calon tidak menyatakan konflik yang dihadapi oleh watak utama sebaliknya calon hanya menghurai cara menyelesaikan konflik yang dihadapi oleh watak utama. Contohnya, Othman menyelesaikan konflik yang dihadapi dengan cara menjaga isterinya Limah yang menjadi gila dengan meletakkan jawatan. Calon juga cenderung menulis sinopsis novel semata-mata. Calon juga tidak menyatakan cara penyelesaian tetapi hanya menyatakan konflik sahaja. Contoh konflik yang dihadapi oleh Othman ialah ibunya melarangnya daripada menyertai pasukan polis. Selain itu, calon menyatakan konflik dengan lengkap dan jelas tetapi huraian tentang cara penyelesaiannya agak umum dan kadang kala salah fakta. Contohnya, Othman menghadapi segala konflik dengan tenang dan sabar. Contoh jawapan calon yang salah fakta ialah Othman menceraikan Limah dan terkorban dalam serangan Komunis di Bukit Kepong. Dalam kategori ini, kebanyakan calon hanya menjawab satu novel sahaja dengan ringkas. Terdapat juga calon yang menjawab dalam bentuk nota sahaja dengan menyebut konflik Othman dengan ibunya. Cara penyelesaiannya pula dinyatakan sebagai Othman berkeras untuk meneruskan cita-citanya.

b) Berdasarkan novel Bukit Kepong, Sarjan Jamal merupakan watak utama yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai konflik. Sarjan Jamal telah mengambil keputusan tegas untuk menghantar isterinya, Limah pulang ke kampung kerana Jamal tidak sedar keadaan di Rumah Pasung Bukit Kepong tidak sesuai untuk keluarganya. Jamal tidak mahu menanggung risiko kehilangan isterinya kerana dia amat cintakan isterinya. Jihdakannya ternyata tepat kerana rumah pasung telah diserang komunis.

Salah watak utama

Konserto Terakhir

Kekuatan

Calon dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Calon juga dapat menyatakan nama watak dengan tepat dan dapat menyatakan konflik yang dihadapi oleh watak utama dengan jelas diikuti huraian yang lengkap. Sebagai contoh: "Hilmi menghadapi konflik dengan Datin Salmah yang membenci dan ingin mengusirnya dari rumah. Hilmi menyelesaikan konflik ini dengan tetap bersabar dan meminta pertolongan Mamat untuk membawanya keluar dari rumah itu apabila tidak tahan dengan sikap Datin Salmah. Calon juga dapat menjawab dengan menggunakan ayat yang ringkas dan tepat. Jawapan calon ditulis dalam perenggan yang berbeza bagi dua novel yang berbeza.

Berdasarkan novel Konserto Terakhir pula karya Abdullah Hussain, watak utamanya ialah Hilmi. Antara konflik yang dihadapi Hilmi ialah dia sering dihina oleh Datin Salmah kerana dia yang tidak berpendidikan tinggi dan berasal dari kampung. Lantaran sering dihina dan dilayan dengan buruk, Hilmi berusaha memajukan dirinya dengan mempelajari muzik. Tambahan pula, Hilmi sememangnya meminati muzik. Bagi mempelajari muzik, Hilmi sanggup berutangi-dalk setiap petang dari rumah Datin Johari ke rumah Encik Bakar. Semasa bermain muzik bersama-sama kumpulan Encik Bakar, Hilmi menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Namun, semua itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjaya. Hilmi akhirnya berjaya sebagai ahli muzik apabila dijemput mengadakan Orkes Perdana yang bakal ditonton ribuan penonton. Sejak peristiwa itu, Datin Salmah mula menghargai kewujudan Hilmi.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengemukakan watak utama dan jawapan calon hanya secara umum.. Contohnya, konflik yang dihadapi oleh watak utama ialah. Calon juga menulis nama lain sebagai watak utama. Contohnya, Hayati dalam Konserto Terakhir. Calon kategori ini juga sering tersilap mengeja nama watak utama contohnya, Halimi. Seterusnya, jawapan calon tidak menyatakan konflik yang dihadapi oleh watak utama sebaliknya calon hanya memberi huraian cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapi. Sebagai contoh, Hilmi menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan cara bersabar dengan sikap Datin Salmah dan berdiam diri. Terdapat juga calon yang menulis sinopsis novel tanpa menyatakan kehendak soalan. Jawapan calon tidak menyatakan cara penyelesaian dan hanya menyatakan konflik sahaja. Contoh konflik yang dihadapi oleh Hilmi ialah sering dihina dan dipandang rendah oleh Datin Salmah. Selain itu, calon menyatakan konflik dengan lengkap tetapi huraianya kurang jelas dan kadang kala salah fakta. Contoh Hilmi menceraikan Azizah sebagai penyelesaian kepada konflik yang dihadapi mereka. Calon juga cenderung menjawab hanya satu novel sahaja tanpa membuat perbandingan. Kelemahan yang ketara ialah calon menjawab dalam bentuk nota ringkas.

Di dalam novel Konserto Terakhir pula, konflik yang dihadapi oleh Hilmi ialah sikap Azizah yang terlalu materialistik. Jadi Hilmi pun mengambil langkah untuk menceraikannya. Konflik yang seterusnya dihadapi oleh Hilmi ialah sikap Datin Salmah yang tidak rupa pada dirinya. Datin Salmah begitu membenci Hilmi kerana perbezaan taraf antara mereka berdua. Jadi bagi mengelakkan dirinya daripada dibenci oleh Datin Salmah Hilmi mengambil langkah untuk meninggalkan rumah Datuk Jahari.

Salah watak

Seteguh Karang

Kekuatan

Pada keseluruhannya calon dapat mengemukakan watak utama, konflik, dan cara mengatasi konflik tersebut dengan jelas. Konflik dapat dinyatakan, diuraikan cara penyelesaiannya dengan tepat dan lengkap. Penyampaian jawapan tersusun dan bahasa yang digunakan lancar dan gramatis. Contohnya: "Konflik yang dihadapi oleh Awanis pula ialah Awanis berkonflik dengan Kak May yang tertekan atas kematian ibu bapa mereka. Awanis menyelesaikan konflik antara dia dengan Kak May dengan menasihati Kak May, tetapi Kak May bertindak menampar Awanis. Awanis merajuk dan pulang ke kampus lebih awal. Setelah mendapat berita malang tentang Kak May, Awanis atas dasar perhubungan persaudaraan pergi menjenguk Kak May. Akhirnya, Kak May insaf dan mereka bersatu kembali. Penyampaian calon teratur menyatakan dulu konflik dengan jelas dan kemudian menghuraikan cara penyelesaiannya dengan jelas.

Konflik yang dihadapi oleh Awanis pula ialah Awanis berkonflik dengan kak Maysarah yang tertekan atas kematian ibu bapa mereka. Awanis menyelesaikan konflik antara dia dengan kak May dengan menasihati kak May, tetapi kak May bertindak menampar Awanis. Awanis merajuk dan pulang ke kampus lebih awal. Setelah mendapat berita malang tentang kak May, Awanis, atas dasar hubungan persaudaraan pergi menjujuk kak May. Akhirnya, kak May insaf dan mereka bersatu kembali.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengemukakan watak utama. Watak Maysarah difokuskan mempunyai konflik dan menyelesaikannya, watak Maysarah dianggap watak utama. Calon tidak menyatakan nama watak utama. Contohnya: Konflik watak utama novel Seteguh Karang ialah. Calon tidak dapat menyatakan konflik watak utama dengan jelas. Apa yang berlaku, calon menghuraikan cara watak utama menyelesaikan konflik sahaja. Contohnya: "Encik Johari tidak suka kepada pelatih wanita yang dianggapnya tidak boleh berdikari dan manja. Awanis berusaha mengubah pendirian Encik Johari dengan berusaha melakukan apa sahaja yang dimintanya, iaitu menjatuhkan setandan kelapa sawit dan menunggang motosikal yang breknya rosak". Calon menyatakan konflik, tanpa menghuraikan cara penyelesaiannya. Contohnya: Awanis berkonflik dengan Encik Johari yang selalu membuli dan memandang rendah kebolehan, semata-mata kerana dia seorang pelajar perempuan. Ada juga kes-kes salah fakta atau huraiian. Contohnya: Watak Encik Johari, ditulis Encik Johan. Calon juga gagal menghuraikan cara menyelesaikan konflik, sebaliknya hanya menulis sinopsis. Calon tidak menepati kehendak soalan iaitu menjawab soalan dengan merujuk sebuah novel sahaja. Calon juga tidak menyatakan konflik yang betul. Contohnya: Anis memarahi Encik Lee dan isteri kerana menganggap Anita anak sial.

Dalam novel Seteguh Karang pula Maysarah mengalami konflik apabila kematian ibu bapanya May beserta sedih dengan pemergian ibu bapanya ditambah pula konflik apabila kak May berubah sikap selepas kematian ibu bapanya. Kak May menda menjadi murung sepanjang masa.

Salah watak utama

Julia

Kekuatan

Pada keseluruhannya calon dapat menjawab soalan 4(b) dengan baik. Calon dapat mengemukakan konflik watak utama dengan jelas dan cara penyelesaiannya. Calon dapat menyatakan watak utama dengan jelas. Penyampaian jawapan calon tersusun dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Contohnya: Dalam novel Julia konflik timbul antara Julia dan Encik Baharom apabila Encik Baharom mendakwa Syarikat BMPRO Transport mengalami kerugian dan perlu dijual kepada Datuk Khan. Julia yang merupakan watak

utama dalam novel ini telah menyelesaikan konflik ini dengan cara menyasat sendiri dakwaan tersebut. Julia telah menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Banting dan mendapati bahawa dakwaan tersebut pembohongan semata-mata.

Berdasarkan novel Julia, terdapat satu konflik yang timbul dan watak utama telah menyelesaikannya dengan cara tertentu. Konflik timbul antara Encik Baharom dan Julia apabila Encik Baharom mendakwa syarikat BMPRO Transport menemui kerugian dan perlu dijual kepada Datuk Khor. Julia yang merupakan watak utama novel ini telah menyelesaikan konflik ini dengan cara menyasat sendiri dakwaan tersebut. Julia telah menaiki bas dari Kuala Lumpur ke Banting dan mendapati dakwaan tersebut pembohongan semata-mata dan seterusnya konflik tersebut pun terlerai.

Kelemahan

Terdapat calon yang tidak dapat menyatakan konflik dan huraian sebagaimana dikehendaki dalam arahan soalan. Calon memberikan fakta yang salah. Calon juga tidak menyatakan watak utama dalam jawapan. Contohnya: Di dalam novel Julia terdapat konflik dalam BMPRO Travel Sdn.Bhd yang didakwa mengalami kemerosotan. Encik Baharom mengusulkan supaya BMPRO Travel Sdn. Bhd dijual, namun Julia tidak cepat mengalah. Selain itu, calon hanya memberikan sinopsis tanpa memberikan konflik. Calon juga tersilap menyatakan watak utama, contohnya Rashid dikatakan watak utama dalam novel Julia. Terdapat juga kesalahan ejaan dan bahasa yang tidak gramatis dalam jawapan calon.

Di dalam novel Julia pula, terdapat konflik dimana BMPRO Travel mengalami kemerosotan. Encik Baharom mengusulkan supaya BMPRO Travel Sdn Bhd dijual. Namun Julia tidak cepat mengalah. Julia telah menggunakan sendiri perkhidmatan BMPRO Travel yang dan mendapati terdapat unsur-unsur penyelewengan. Setelah berbincang dengan orang kerannya, Julia sendiri membongkar dan penyelewengan itu kepada Encik Baharom dan akhirnya Encik Baharom telah insaf.

Putera Gunung Tahan

Kekuatan

Calon dapat mengemukakan konflik dan cara watak utama menyelesaikan konflik tersebut, dengan tepat dan jelas. Contohnya: Apabila Ratu Bongsu menghadapi konflik percubaan penjajah British mendapatkan tanah airnya yang tercinta. Huraian atau penyelesaiannya Ratu Bongsu menggunakan kebijaksanaan dengan menggunakan Tuan William dengan mengarahkan Kusina mengunci Tuan William dalam bilik khazanah dan akhirnya mati terhidu gas beracun. Latar tempat dan watak utama yang diberi tepat. Penyampaian yang diberikan tersusun dengan bahasa yang gramatis, lancar dan berperenggan. Contohnya: "Berdasarkan novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhamad, Ratu Bongsu merupakan watak utama. Beliau menghadapi konflik. Manakala struktur ayatnya sempurna. Jalan bahasa digunakan oleh calon, kemas dan mudah dibaca. Ejaan dan tanda bacaan yang betul.

Bagi novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj Muhamad, Ratu Bongsu menyelesaikan konflik penawaran wang dan harta oleh Tuan William untuk mengasah pun puncak Gunung Tahan dengan sebijak-bijaknya. Ratu Bongsu telah menolak semua tawaran tersebut dengan cara yang berhemah dan berbudi bahasa selain menjemput Tuan William tinggal di puncak Gunung Tahan. Apabila dia sudah mendengar perancangan Tuan William menghantar dua buah kapal perang untuk menahan Gunung Tahan, beliau telah menyuruh Kusina mengumpam Tuan William ke dalam bilik khazanah dan mengunonya di dalam. Dengan itu, Tuan William telah mati akibat terhidu gas beracun.
--

Kelemahan

Antara kelemahan yang dikesan ialah calon meletakkan watak lain sebagai watak utama. Contohnya, menyatakan Tuan William sebagai watak utama. Kelemahan paling ketara ialah calon tidak menyatakan konflik, hanya menghuraikan cara watak utama menyelesaikan konflik. Contohnya, dalam novel Putera Gunung Tahan, watak utamanya Ratu Bongsu. Untuk menyelesaikan masalahnya, Ratu Bongsu menggunakan kebijaksanaannya untuk memerangkap dan memperdayakan Tuan William dengan menyuruh Tuan William mengambil teropong terusnya dalam bilik khazanah. Terdapat juga calon yang hanya menyatakan konflik dan tidak menghuraikan cara penyelesaian. Contohnya, konflik dalaman berlaku apabila Ratu Bongsu menyedari Tuan William cuba menggunakan tipu muslihat untuk menawan puncak Gunung Tahan. Selain itu, terdapat calon yang membuat huraian yang kurang jelas tentang cara penyelesaian konflik. Contohnya, Ratu Bongsu berjaya

menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan melalui pujukan, desakan dan ganjaran yang ditawarkan oleh Tuan William. Terdapat calon yang mengemukakan fakta yang salah. Contohnya, Ratu Bongsu menyelesaikan konflik yang dihadapi dengan mengahwini Tuan William. Selain itu, terdapat calon yang menjawab dalam bentuk jadual yang menjejaskan markah bahasa.

Berdasarkan novel yang saya pelajari, Putera Gunung Tahan,	
(Go) karya Ishak Hj. Muhammad dan Di Hadapan Pulau karya	
A. Samad Said, terdapat ca terdapat cara watak utama	Konflik tidak jelas
setiap novel menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya	
Bagi novel Putera Gunung Tahan, watak utamanya, Ratu Bongsu,	
bertindak bijak, berpura-pura tidak mengetahui kehadiran	
pesawat peso kapal terbang di puncak Gunung Tahan itu	Hanya penyelesaian
untuk mengelakkan disedari oleh Tuan William. Dia akhirnya	
meminta pembantunya untuk mengunci pintu bilik yang	
dimasuki Tuan William. Tuan William akhirnya terbunuh	
dalam rancangannya sendiri apabila kawasan itu di' bom.	

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan
2. Menguasai teknik menjawab soalan
3. Luaskan pembacaan untuk kemahiran KB
4. Peka dengan isu-isu semasa
5. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan kefahaman
6. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan sebelum memberi jawapan.
7. Memahami dengan jelas setiap arahan soalan
8. Menguasai perbendaharaan kata dan tatabahasa
9. Memahami konsep tersirat dalam semua soalan.
10. Menguasai sistem ejaan dengan baik.
11. Sentiasa merujuk Kamus dan Tatabahasa Dewan
12. Semua Teks Komponen Sastera mesti dibaca sepenuhnya.
13. Banyakkan membaca untuk menambahkan Kemahiran Berfikir.
14. Sentiasa merujuk kamus peribahasa agar dapat menguasai sepenuhnya peribahasa yang diuji.
15. Perlu membaca banyak bahan daripada akhbar, majalah serta rencana.

SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pengajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah, buletin dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran sendiri.
3. Menguasai format dan peraturan pemarkahan terkini. Sila aplikasikan.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir.
5. Sentiasa menggunakan kamus dalam pengajaran.
6. Sentiasa merujuk tatabahasa Dewan.
7. Perlu dimasukkan kaitan sastera yang meliputi kefahaman mengenai nilai, konflik, watak, perwatakan, persoalan dan sebagainya.
8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir perlu diperbanyakkan supaya pelajar-pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
9. Mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang lebih banyak kepada kemahiran berfikir.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menguasai sepenuhnya semua aspek dalam komponen sastera.
14. Menggunakan peralatan Teknologi Maklumat dalam pengajaran.
15. Memanfaatkan Laporan Prestasi Calon daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia setiap tahun. Buku Kupasan Mutu Jawapan calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.